



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
JULAI 2005 – NOVEMBER 2005**

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh

RAJA SHAHIR SHAH B. RAJA MAHMUD

2002142136

bertajuk

**CADANGAN MEREKABENTUK RUANG DALAMAN
GALERI PERSATUAN PECINTA ALAM,
DI TASIK TEMENGGOR, GRIK,
PERAK DARUL RIDZUAN**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi
Diploma Senibina Dalaman.

Penyelia : Cik Mawar binti Masri
Koordinator : Pn. Ruzana Abd. Kadir
Ketua Program : Puan Ramlah binti Alwi

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapatlah saya menyediakan dan menyempurnakan Laporan Projek Akhir bagi Cadangan merekabentuk Ruang Dalaman untuk Galeri Pecinta Alam Di Tasik Temenggor Grik, Perak. untuk Tetuan Persatuan Pecinta Alam, Malaysia sebagai antara syarat bagi mendapatkan diploma daripada pihak Jabatan Senibina Dalaman, Universiti Teknologi Mara.

Disini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada :

- I. Ibu saya yang tidak putus-putus memberi dorongan dan sokongan sepanjang pengajian saya disini.
- II. Pn Ramlah Binti Awi selaku penasihat dan Ketua program yang telah banyak memberi dorongan, bantuan dan nasihat kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan laporan projek akhir ini. Tidak lupa juga kepada Pn. Ruzana Binti Abd. Kadir selaku Penyelia dan Cik Mawar Binti Masri selaku Pensyarah dan Koordinator program THESIS (THE 386) yang memberi panduan dan garis panduan dalam menyiapkan laporan projek akhir ini sepanjang semester ini.
- III. Kepada En Fakhul Zaman, En Zulkarnain Hazim dan Pn Siti Rohamini selaku koordinator dan pensyarah studio semester 06 yang telah banyak memberi dorongan dan nasihat kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan projek ini.
- IV. Tidak lupa juga pada rakan-rakan disemester 06 yang banyak memberi sokongan dan dorongan sepanjang pengajian semester ini.

ABSTRAK

Laporan Projek Akhir THE 386 merupakan laporan lengkap mengenai projek akhir semester enam. Laporan ini merekodkan perjalanan dan perkembangan projek dari permulaannya sehingga tamat projek.

Segala maklumat mengenai projek akhir direkodkan dan dikemaskini mengikut tertib yang telah ditetapkan oleh Jabatan Senibina Dalaman, Universiti Teknologi Mara. Terdapat empat bab di dalam laporan ini iaitu Pengenalan, Projek, Pemilihan Tapak dan Kesimpulan. Segala data penting disusun dan dibahagikan kepada empat bab tersebut mengikut sekuen agar laporan ini kelihatan teratur, kemas dan menarik.

Segala maklumat yang diberikan di dalam laporan ini ditulis dengan teliti dan terperinci agar laporan ini menepati kriteria – kriteria yang dikehendaki oleh pihak jabatan, dan semoga laporan ini akan dapat membantu generasi masa hadapan untuk tujuan rujukan terhadap kerja – kerja yang dilakukan.

ISI KANDUNG

MUKASURAT

BAB 1.0	PENGENALAN	1
1.1	PENGENALAN KAJIAN	
1.1.1	MATLAMAT KAJIAN	
1.1.2	OBJEKTIF KAJIAN	
1.1.3	METODOLOGI	
1.1.4	KEPENTINGAN KAJIAN	
1.2	KLIEN	6
1.2.1	ALAMAT KLIEN	
1.2.2	LATARBELAKANG KLIEN	
1.2.3	LOGO KLIEN	
1.2.4	MISI DAN VISI KLIEN	
1.2.5	CARTA ORGANISASI	
BAB 2.0	PROJEK	9
2.1	PENGENALAN PROJEK	9
2.1.1	KEHENDAK KLIEN	
2.1.1.1.	KEPERLUAN RUANG	
2.1.1.2 .	KEPERLUAN KEMUDAHAN	
2.1.2	SKOP KERJA	
2.1.2.1.	KERJA-KERJA LUAR BANGUNAN.	
2.1.2.2.	KERJA-KERJA DALAM BANGUNAN.	
2.1.2.3.	PENAMBAHAN DAN PEMBUANGAN BANGUNAN.	

1.0 PENGENALAN

Lembah Belum terletak dibahagian Utara Perak adalah kawasan hutan yang dipenuhi dengan flora dan faunanya yang tersendiri yang belum diterokai. Beberapa spesies – spesies baru tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang telah ditemui disini. Dikatakan bahawa terdapat 11 jenis spesies jenis burung enggang dan bunga rafflesia juga dikatakan tumbuh disini. Fakta ini menjadikan kawasan ini menarik untuk dikunjungi. Sehubungan dengan itu, Pihak Persatuan Pecinta Alam Malaysia atau dikenali juga sebagai ‘ Malaysia Nature Society’ (MNS) mengadakan usahasama dengan Kerajaan Negeri Perak untuk membangunkan kawasan ini sebagai sebuah pusat pelancongan baru dengan menubuhkan sebuah pusat kajian sementara disini.

Pada sejarah awalnya, kawasan ini pernah suatu ketika dulu menjadi medan pertempuran antara pihak komunis dengan askar-askar melayu. Ianya juga diantara laluan utama yang digunakan oleh pihak komunis untuk menyeberang melalui tasik tersebut ke Thailand. Kini ianya tidak lagi digunakan kerana dikawal ketat oleh pihak tentera Malaysia untuk memastikan agar sempadan negara tidak lagi dicerobohi oleh pihak tersebut.

Kawasan yang belum sepenuhnya diterokai ini masih lagi dipenuhi dengan misteri yang belum terungkap kepada dunia luar dan bakal memberikan satu pengalaman baru kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke sini